

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	22/12/2018

Cukuplah salahkan Dr. Mahathir

UM- 22/12/2018
w/d:11

KANGAR 21 Dis.

Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) meminta segelintir pemimpin dalam Pakatan Harapan (PH) berhenti menyalahkan Tun Dr. Mahathir Mohamad kononnya Perdana Menteri gagal menterjemahkan konsep Malaysia baharu dalam pemerintahan hari ini.

Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Bersatu, Wan Saiful Wan Jan berkata, perlu diakui aura Dr. Mahathir adalah faktor kemenangan PH dalam Pilihan Raya



WAN SAIFUL WAN JAN

Umum Ke-14 (PRU-14) sekali gus berjaya membentuk kerajaan selepas 61 tahun di bawah Barisan Nasional (BN).

Setiausaha Bersatu negeri itu berkata, sepatutnya agenda memperkukuhkan kerajaan perlu diutamakan dan dilakukan secara bersama

bagi memastikan kerajaan PH semakin kuat dan bukan mempersoal kredibiliti Dr. Mahathir.

“Ada yang kata Dr. Mahathir tidak faham Malaysia baharu, tetapi kita kena ingat hanya dengan kemasukan Dr. Mahathir

(ke dalam PH) kita melonjak dan mencapai kejayaan dan perkara itu diakui oleh semua pihak.

“Saya tidak pernah baca mana-mana analisis (mengatakan) kalau Dr. Mahathir tidak ada PH akan menang. Kalau kita persoal kredibiliti Dr. Mahathir kenapa mereka berpayung di bawahnya. Ini kerana mereka pun sedar kalau beliau tidak ada, takkan menang.

“Apabila kita sudah menang, janganlah lupa jasa Dr. Mahathir yang kembali daripada persaraan untuk membantu memulihkan Malaysia. Janganlah kita jadi seperti kacang lupakan kulit,” katanya ketika ditemui selepas menyampaikan bantu-

an kelengkapan persekolahan di sini hari ini.

Semalam, Penasihat DAP, Lim Kit Siang menegaskan parti itu tidak teragak-agak untuk meninggalkan gabungan Pakatan Harapan yang membentuk kerajaan pada hari ini sekiranya objektif Malaysia baharu yang dilaungkan mereka dipinggirkan.

Dalam masa sama, Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri (MPN) PKR negeri, Datuk Johari Abdul pula menyifatkan kegagalan memahami konsep Malaysia baharu menyebabkan kerajaan PH seperti mengulangi kesilapan kerajaan terdahulu sekali gus menyebabkan rakyat kecewa.